

# Anugerah untuk keluarga

KUALA LUMPUR - Anak kepada seorang pesara kerajaan, Noorhalizam Mohamad Noor, 24, menyifatkan dua anugerah yang diterimanya pada majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) semalam sebagai hadiah tidak ternilai untuk keluarga.

Dia yang menerima Pingat Emas Canselor dan Pingat Emas Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Rashid Baba berkata, semua itu diperoleh hasil usaha gigih mengawal diri terutama dalam aspek masa.

"Saya mengamalkan tiga perkara untuk mencapai kejayaan iaitu pengurusan masa yang berkualiti, mengawal kewangan diri secara efektif dan mewujudkan hubungan yang baik dengan semua orang.

"Bagaimanapun kejayaan ini tidak akan dapat dicapai tanpa sumbangan banyak pihak terutama keluarga, para pensyarah dan rakan-rakan," katanya ketika ditemui pada majlis Konvokesyen Ke-33 UPM semalam.

Pada majlis yang disempurnakan oleh Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah itu, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Pertanian atas jasa dan sumbangan besar beliau terhadap kemajuan sektor pertanian negara.



SULTAN SHARAFUDDIN (tengah) memperkatakan sesuatu kepada Noorhalizam (tiga dari kiri) sambil di perhatikan Oleh Abdullah di UPM, Serdang semalam.

Pada konvokesyen UPM yang berlangsung selama empat hari bermula semalam, seramai 7,597 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing iaitu 141 gra-

duan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana (1,072), Ijazah Sarjana Muda (5,984) dan Diploma (400).

Sementara itu, penerima Anugerah Pelajaran Diraja, Yussya-

fiqah Yunus, 22, berkata, antara kunci kejayaannya ialah sentiasa memastikan hubungan baik dengan pensyarah serta tumpuan kepada pelajaran semasa kuliah.